

**MAULIDURRASUL (INSAN SANGAT MULIA)
8 RABIUL AWWAL 1443 H /15 OKTOBER 2021 M**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Alhamdulillah, kita berada dalam bulan Rabiulawal. Antara keistimewaan bulan ini, ialah berlakunya peristiwa kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Sesungguhnya, kita amat bersyukur dengan kelahiran baginda, sebagai insan yang amat mulia, membawa hidayah kepada seluruh alam.

Di ambang kelahiran baginda Sallallahu Alaihi wa Sallam, manusia di dunia ini hidup dalam jahiliah dan kegelapan, kerana beratus tahun terputus

daripada nubuwwah. Kuasa besar seperti Rom dan Parsi saling berbunuhan untuk meluaskan wilayah. Sementara bangsa Arab pula mengamalkan cara hidup yang tidak bertamadun dan saling bermusuhan antara kabilah. Lahirnya baginda ke dunia ini, telah mengubah manusia daripada syirik kepada tauhid.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Saba' ayat 28:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٢٨﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: *Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala sekalian,

Mengadakan sambutan MaulidulRasul bukanlah suatu yang bidaah. Ia adalah harus menurut pandangan Salafussoleh seperti Imam Jalaluddin al-Suyuti dan Imam Ibn Hajar al-Haithami. Ini bertepatan dengan amalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam yang berpuasa setiap Isnin sebagai tanda bersyukur atas hari kelahiran baginda. Antara dalil keharusan menyambut MaulidulRasul iaitu amalan sebahagian daripada sahabat seperti Hasan bin Thabit pernah bersyair memuji dan berselawat di hadapan baginda sendiri.

Antara bentuk pengisian dalam menghayati peristiwa maulid ini, ialah memperbanyakkan berselawat serta mengulang kaji sirah perjuangan baginda Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam.

Allah Subhanahu wa Taala telah memerintah umat Islam, agar sentiasa rasa *al-hub* (cinta) dan *al-ittiba'* (mencontohi cara hidup) Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Ubahlah sikap kita, yang sebelum ini lebih mengagungkan tokoh lain seperti artis atau pemimpin politik, kepada menyayangi dan meniru cara hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam.

Selain itu, perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, kerana Allah Subhanahu wa Taala sendiri bersama para malaikat berselawat ke atas baginda. Rugilah kalau kita menjadi bakhil kerana tidak berselawat, tatkala nama baginda disebut.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al- Ahzab ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: " Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi, wahai orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمَسْتَغْفِرِينَ وَيَا
نَجَاةَ التَّائِبِينَ.